

[ FOTO ROSELA ISMAIL/ BH ]

# Dasar PKS mungkin dikaji semula perkukuh sektor



Naib Cancellor UPM, Prof Datin Dr Aini Ideris (kiri) bertukar dokumen dengan Hafshah pada majlis menandatangani MoU Pangkalan Data Input-Output PKS antara SME Corp dan UPM di Sedang, semalam.

→ SME Corp tunggu hasil kajian UPM

Oleh Azzman Abdul Jamal  
azzman@bh.com.my

Dasar berkaitan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mungkin akan dikaji semula dalam usaha untuk memperkukuhkan sumbangan sektor itu terhadap ekonomi negara.

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia (SME Corp), Datuk Dr Hafshah Hashim, berkata cadangan untuk meneliti semula dasar terbabit akan bergantung kepada hasil kajian yang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Kajian dijangka siap selewat-lewatnya pada Februari tahun depan. Ia akan digunakan untuk penyediaan dasar strategik dasar baharu terhadap PKS," katanya selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Pangkalan Data Input-Output PKS antara SME Corp dan UPM di Sedang, semalam.

**Ukur tahap kebergantungan**  
Hafshah berkata, tujuan kajian itu adalah untuk mengukur tahap kebergantungan antara PKS dengan syarikat besar merangkumi pelbagai industri serta impak pengganda permintaan dan dagangan domestik.

"Pangkalan data yang pertama kali diwujudkan di Malaysia serta dunia ini akan digunakan sebagai sumber utama serta alat memantau keberkesanan dasar polisi terhadap PKS pada masa akan datang," katanya.

Dalam perkembangan lain, Hafshah berkata, SME Corp berharap Bajet 2018, Jumaat ini akan mesra PKS.

"Kami berharap Bajet 2018 akan memberi implikasi yang kondusif kepada kemampuan PKS. Antaranya dari segi merangsang pembangunan PKS untuk diselarikan dengan kehendak Revolusi Industri Keempat (Industri 4.0) serta peningkatan auto-



## Pangkalan data Input-Output PKS

→ Kajian dijangka siap pada Februari 2018.  
→ Pangkalan data pertama diwujudkan di seluruh Malaysia dan dunia.

masi syarikat PKS.

## Bajet mesra PKS

"Selain itu, kami juga memohon supaya dapat pertimbangan dari segi pengecualian cukai dalam beberapa sektor yang dipercayai boleh merangsang pertumbuhan PKS ke tahan lebih tinggi," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya berharap kerajaan akan mempertimbangkan untuk memberi pengecualian cukai 18 peratus yang ditetapkan terhadap syarikat PKS, khususnya yang berjaya mencapai matlamat Industri 4.0 serta dapat meningkatkan produktiviti dan mengurangkan tahap kebergantungan kepada buruh asing.